

MAHATHIR - RISDA

MELAKA, 17 DIS ¹⁹⁸³ (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN AKAN MEMPERLUASKAN SISTEM PEMBANGUNAN PERTANIAN CARA BERKELOMPOK DENGAN PENGGUNAAN TEKNOLOJI MODEN KE SELURUH NEGARA SELEPAS KAJIAN SEMULA RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT.

PERDANA MENTERI BERKATA SISTEM SEUMPAMA ITU YANG SEDANG DICUBA DI KAMPUNG ASAM JAWA DI KEDAH MELIBATKAN TUAN-TUAN PUNYA KECIL MEMAJUKAN TANAMAN PADI SECARA BERKELOMPOK DIDAPYATI BERJAYA.

OLEH ITU, SISTEM TERSEBUT AKAN DILAKSANAKAN BAGI MELIPUTI BERBAGAI-BAGAI JENIS TANAMAN SEPerti GETAH, KOKO DAN KELAPA DI SAMPING PADI, KATANYA SEMASA BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN IBU PEJABAT RISDA NEGERI DI JALAN TUN SERI LANANG DI SINI.

SISTEM ITU TIDAK SAJA DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH MENGUSAHAKAN TANAH SECARA TIDAK EKONOMIK KERANA SAIZNYA YANG KECIL MALAHAN DAPAT MENINGKATKAN KEMAMPUAN PENDUDUK DESA MEMAJUKAN TANAH BAGI MENINGGIKAN PENDAPATAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MENINGGATKAN BAHAWA KEJAYAAN SISTEM ITU BANYAK BERGANTUNG KEPADA DAYA USAHA PENDUDUK DESA ITU SENDIRI.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAGAIMANA PENGGUNAAN TEKNOLOJI MODEN DAPAT MENDATANGKAN HASIL PERTANIAN YANG TINGGI. -- LAGI 1908/SA

ZCZC B694

MAHATHIR - RISDA 2 MELAKA

BELIAU BERKATA DUA-PERTIGA DARIPADA KAWASAN GETAH DI NEGARA INI ADALAH MILIK PEKEBUN KECIL SEMENTARA SELEBIHNYA MILIK PERDAGANGAN. TETAPI KAWASAN PERLADANGAN MENDATANGKAN DUA-PERTIGA DARIPADA HASIL GETAH NEGARA SEMENTARA KAWASAN PEKEBUN KECIL MENDATANGKAN HANYA SATU-PERTIGA DARIPADA JUMLAH HASIL.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN TIDAK ADA TEMPAT BAGI PERUSAHAAN KECIL-KECILAN DALAM ZAMAN MODEN SEKARANG.

INI DISEBABAKAN PASARAN DAN PERMINTAAN BARANGAN KINI DIPENGARUHI OLEH ALIRAN PERMINTAAN YANG DIKENALI SEBAGAI MASYARAKAT PENGGUNA BERAMAI-RAMAI.

ALIRAN ITU MEMERLUKAN SEKTOR EKONOMI TERMASUK GOLONGAN PEKEBUN KECIL MENGELUARKAN HASIL YANG BANYAK.

DALAM KONTEKS INILAH SEMUA SEKTOR PEKEBUN KECIL PERLU BERGABUNG TENAGA BAGI MENENTUKAN KEMAJUAN DAN PENINGKATAN TARAF HIDUP MEREKA YANG TERLIBAT.

TURUT HADHIR DI MAJLIS PERASMIAN ITU IALAH MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH DATUK RAIS YATIM, KETUA MENTERI MELAKA DATUK ABDUL RAHIM THAMBY CHIK DAN SPEAKER DEWAN NEGERI DATUK RAZAK ALIAS. BANGUNAN EMPAT TINGKAT ITU BERNYATA 23.5 JUTA. -- BERNAMA 1916/SA